

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

**T3/26/TEP005/HPUSM/30** : **NON COMPREHENSIVE MAINTENANCE SERVICES (WITH QUOTED PRICE FOR LISTED REPLACEMENT SPARE PART) FOR "SIEMENS MAGNETOM AMIRA MAGNETOM RESONANCE IMAGING (MRI) SYSTEM" FOR 3 YEARS TO HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS KESIHATAN, KUBANG KERIAN, KELANTAN.**

**Kelayakan** : i) Berdaftar dengan **MOF** – Kod Bidang **050101** ATAU **050102** ATAU **220601** ATAU **220602**.  
ii) **Memegang Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)]** Berstatus : **PATUH**.

**Tarikh Tutup Tender** : **8 Jun 2026 (Isnin), Jam 12.00 Tengah hari.**

**Tarikh Dokumen Dijual** : **12 Mei 2026** hingga **25 Mei 2026**.

**Harga Dokumen** : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

**Syarat Permohonan Dokumen Softcopy** : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/26/TEP005/HPUSM/30>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
- ii) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- iii) **Sijil Pendaftaran Kod Bidang Kementerian Kewangan.**
- iv) **Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)].**

**Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy & softcopy (pendrive)** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan & Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.**

- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-

lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

**\* Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**